

**Waythamoorthy akan atur pertemuan pemimpin-pemimpin agama dengan Najib
Malaysian Insider
June 22, 2013
Oleh Yiswaree Palansamy**

Pemimpin-pemimpin agama mahukan kerajaan mengambil perhatian dalam isu penukaran agama kontroversi membabitkan ibu bapa dan anak mereka yang masih kecil dengan membentangkan usul untuk meminda Perlembagaan Persekutuan terutamanya Artikel 12 (4), kata Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri P. Waythamoorthy.

Waythamoorthy mengatakan beliau akan membuat temu janji untuk pemimpin-pemimpin agama ini bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak secepat mungkin.

"Ini penting untuk memastikan keharmonian dikalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini," katanya.

Setakat ini artikel 12 (4) mengatakan agama seseorang berumur 18 tahun ke bawah ditentukan oleh ibu bapa atau penjaga.

Menurut Waythamoorthy, pemimpin-pemimpin agama itu menuntut perubahan dilakukan dengan meminda perkataan "ibu bapa" kepada "kedua-dua ibu bapa" untuk menjelaskan kekaburan.

Tuntutan itu dilakukan berikutan isu terbaru dalam kes ini melibatkan ibu beragama Hindu dan suaminya yang masuk Islam.

Ibu S. Deepa dari Negeri Sembilan sedang bertarung untuk mempertahankan agama kedua-dua anak mereka sebagai Hindu yang ditukarkan oleh bapa mereka sebagai Muslim.

Perkara itu didakwa dilakukan oleh suami Deepa tanpa pengetahuannya, di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, selepas mengambil anak-anak mereka dari sekolah pada 4 April tahun ini.

Waythamoorthy mengatakan beliau akan bertemu dengan Najib untuk membincangkan perkara ini secara mendalam.

Waythamoorthy juga memberitahu The Malaysian Insider beliau akan mencadangkan peruntukan tanggungjawab sosial dan moral dalam menukar agama anak-anak bukan Islam mengikut ibu bapa dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Peguam berusia 47 tahun itu mengatakan selepas pertemuan tertutup isu penukaran agama membabitkan kedudukan tidak adil bagi bukan Islam khususnya terhadap anak-anak masih kecil.

Mesyuarat ini telah diadakan untuk mendapatkan maklum balas membina daripada pemimpin agama yang merupakan pihak-pihak berkepentingan untuk pengikut masing-masing dalam usaha untuk mencari penyelesaian kekal kepada perkara itu dan untuk menangani kes S.Deepa.

"Saya amat bimbang dengan trend yang berterusan dan rasa tidak puas hati masyarakat dengan episod baru-baru ini," kata Waythamoorthy.

Bekas aktivis yang menjadi terkenal dengan memperjuangkan hak komuniti India melalui Pertubuhan Hak Asasi Hindu (Hindraf) mengatakan penggubal undang-undang Malaysia perlu ada kemahuan politik untuk menyelesaikan isu ini secara rasional.

Di sebalik arahan kabinet dikeluarkan oleh Menteri Undang-undang pada ketika itu Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, anak-anak pasangan berpisah kekal dalam agama ibu bapa mereka pada masa perkahwinan, penukaran agama secara unilateral masih kekal satu isu, dengan penggubal undang-undang mendesak untuk tadbir urus sepatutnya dalam perkara ini. - 22 Jun, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/waytha-moorthy-akan-atur-pertemuan-pemimpin-pemimpin-agama-dengan-najib/>